

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 19 Jamadilakhir 1439/7 Mac 2018****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Mentari, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan BA1000, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang ketiga hari Rabu, 19 Jamadilakhir 1439 bersamaan dengan 7 Mac 2018, didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, maka kita sekali lagi dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang ketiganya dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, kita telah selesai membahaskan dan seterusnya meluluskan Perkara VI - Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis. Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung perbincangan mengenai Rang Undang-Undang, maka ada baiknya kita dahulu membincangkan perkara-perkara yang terdapat dalam Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Sebanyak 27 Soalan Yang Diberi Notis telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah pun diedarkan kepada kementerian-

kementerian yang berkenaan untuk dijawab secara lisan. Pada perbincangan pagi ini, kita akan membenarkan 3 Soalan Yang Diberi Notis sahaja dulu, kerana kita berhadapan dengan beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dengan segeranya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No.1, Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:**

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . Cuti Beranak Ibu Bapa (*Paternity and Maternity Leave*) ialah cuti khas bagi suami yang isterinya baru melahirkan anak dengan tidak menjejaskan hak cuti tahunannya. Ini adalah bagi membantu isteri semasa dalam pantang selepas bersalin dan juga untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dengan memikul tanggungjawab yang sama iaitu *equal responsibility*.

Mengikut laporan dari *International Labour Organization (ILO) Maternity and Paternity At Work: Law and Practice Across The World* pada tahun 2005. Kebaikan cuti ini ialah:

1. Menjaga kesejahteraan seorang pekerja dalam *work-life balance*;

2. Hak *maternity leave* yang sama rata bagi mereka yang bekerja di sektor kerajaan mahupun swasta;
3. Melindungi hak penjagaan semasa melahirkan yang ditanggung oleh seorang ibu dengan berkongsi atau memberikan cuti bergaji kepada ayah yang bekerja;
4. Menyasarkan bahawa penjagaan anak adalah tanggungjawab bersama antara ayah serta ibu; dan
5. Mendukung budaya di tempat kerja yang menyokong pekerja yang berumah tangga.

Perkara ini pernah ditimbulkan di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada Tahun 2013 iaitu *paternity leave* dan beberapa buah syarikat swasta di Negara Brunei Darussalam sudah mula memperkenalkannya kepada pekerja-pekerja mereka.

Saya ingin bertanya adakah kerajaan akan melaksanakan cuti khas ini, jika ada apakah status pelaksanaannya pada masa ini?. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola/saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang

Iswandy bin Ahmad mengenai perkara ini.

Cuma kaola/saya tidak maklum dan tidak pasti adakah cuti khas itu sama seperti cuti khas Cuti Beranak/Cuti Bersalin iaitu selama 108 hari atau cuti pada satu kadar iaitu beberapa hari, kerana Yang Berhormat Yang Di-Pertua kalaulah disamakan bilangan hari cuti khas itu dengan Cuti Beranak, banyak perkara-perkara perlu difikirkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Peraturan Cuti Beranak yang baharu telah mula diperkenalkan mulai 1 Januari 2011 iaitu melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 01/2011, bahawa tempoh keseluruhan Cuti Beranak telah pun dipanjangkan daripada 56 hari (8 minggu) kepada 105 hari (15 minggu). Walau bagaimanapun setelah dibuat penelitian lanjut oleh yang berkenaan, pada ketika ini belumlah lagi bersesuaian untuk dipertimbangkan dengan mengambil kira antaranya perkara-perkara seperti berikut:

1. Tidak dinafikan bahawa pemberian cuti kepada suami di negara-negara luar bagi tujuan untuk membantu urusan semasa isteri bersalin memang telah diperkenalkan. Walau bagaimanapun pemberian tersebut adalah terhad sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Sebagai contoh perkhidmatan awam di salah sebuah di negara jiran dan memberikan cuti selama 7 hari sahaja setiap kali isteri bersalin

sehingga 5 kali (5 orang anak) sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Kemudian cuti ini juga diberikan berdasarkan kerana jumlah kelayakan Cuti Tahunan adalah rendah jika dibandingkan dengan perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam.

2. Dengan kadar kelayakan Cuti Tahunan yang tinggi dalam perkhidmatan awam di negara ini terutamanya jika dibuat pengumpulan cuti sehingga 108 hari pada bila-bila masa adalah wajar bagi pegawai membuat perancangan cuti agar kelayakan Cuti Tahunan itu dapat diambil dengan sebaik-baiknya dan meninggalkan baki yang mencukupi bagi kegunaan apabila isteri bersalin;
3. Ini penting tambahan pula jika dibandingkan dengan negara-negara lain, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mengamalkan institusi kekeluargaan yang kuat dan kukuh (*standard family*). Para isteri yang bersalin lazimnya akan dapat pemedulian daripada ahli keluarganya.
4. Sang bapa tidaklah begitu berat kerjanya dan fikirannya kecuali pada waktu malam ataupun tengah malam terutama ketika anaknya memerlukan pembuatan susu ataupun menukar lampin.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara ini, maka pihak yang berkenaan akan cuba meneliti semula kesesuaian terhadap perkara tersebut dalam memastikan tanggungjawab sebagai seorang ayah yang bekerja itu tidak akan ketinggalan untuk diberikan keistimewaan bagi menemani isterinya selepas beranak.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Soalan Jawab Mulut No.2 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Walaupun pada masa ini tidak terdapat laporan-laporan gangguan seksual di tempat kerja tetapi di negara-negara lain seperti di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat ia menjadi masalah politik, hak asasi manusia dan diskriminasi.

Saya ingin bertanya: Apakah tindakan pihak kementerian yang berkenaan dalam menangani isu gangguan seksual di tempat kerja ini termasuk gangguan dari segi perbuatan, bahasa dan sebagainya? Terima kasih.

**Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia**

**Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari berkenaan dengan soalnya mengenai tindakan isu gangguan seksual (*sexual harrasment*) di tempat bekerja.

Yang Berhormat, setakat ini sungguh pun belum ada garis panduan yang khusus mengenai tindak tanduk seseorang itu atas orang lain yang mungkin boleh dikategorikan gangguan seksual (*sexual harrasment*) akan tetapi Negara Brunei Darussalam mempunyai peruntukan-peruntukan dalam beberapa undang-undang yang tertentu yang menyenaraikan jenis-jenis kesalahan serta hukuman-hukumannya seperti berikut:

1. Peruntukan dalam *Penal Code* Penggal 22 Bab 59. Saya bacakan peruntukan ini dalam Bahasa Inggeris oleh sebab undang-undang ini belum ada terjemahannya secara rasmi.

*Laws Of Brunei Penal Code* di bawah Tajuk: *Word gesture or act intended to insult modesty of women. Whoever intending to insult the modesty of any women:*

- a. *Utters any word, makes any sound or gesture or exhibit any*

*object intending that such word or sound shall be heard or that such gesture or object shall be seen by such women or*

*b. Intruded upon the privacy of such woman shall be punished with imprisonment for a term not exceeding 3 years and fine.*

2. *Laws of Brunei Minor offences Act Part 3 para 19* di bawah Tajuk *Indecent or Abusive Words etc.* Ini juga saya terpaksa membacanya dalam Bahasa Inggeris kerana belum ada terjemahan undang-undang lama ini. *Any person who uses any indecent, threatening, abusive or insulting words or behaves in a threatening or insulting manner or past up affixes or exhibits any indecent, threatening, abusive or insulting written paper or drawing with intent to provoke a breach of the peace or whereby a breach of the peace is likely to be occasioned is guilty of an offence and liable on conviction to a fine of \$500.*
3. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Penggal 4 Bab 197 di bawah Tajuk Perbuatan Tidak Sopan. Sesuatu perbuatan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak sopan jika perbuatan itu boleh menjejaskan imej agama Islam, merosakkan akhlak, mendatangkan pengaruh buruk atau kemarahan kepada orang yang mungkin menyaksikan perbuatan tersebut.
4. Ini adalah di bawah *General Orders* iaitu Peraturan Am mengenai

pegawai-pegawai kerajaan di bawah Tajuk Kelakuan dan Tatatertib Tahun 1961 Peraturan 29 yang berbunyi "mana-mana kelakuan seorang pegawai yang membawa jatuhnya maruah perkhidmatan awam mestilah *direportkan* oleh pegawai yang lebih tinggi sedikit daripadanya atau oleh pegawai yang kanan di *station* itu melalui saluran-saluran yang betul kepada Penguasa Tatatertib."

Penjelasannya sekiranya seseorang pegawai dan kakitangan kerajaan didapati melakukan perbuatan yang melanggar peraturan di bawah peraturan-peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam yang tersebut tadi maka Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan berkenaan hendaklah menahan separuh daripada gaji dan segala elaun pegawai atau kakitangan berkenaan serta menggantung daripada menjalankan tugas dan kewajipan jawatannya dengan serta-merta mulai dari tarikh menerima laporan keterlibatan pegawai tersebut dalam kes jenayah dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Tindakan ini menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 19/1998. Tindakan bukan sahaja setakat memberikan balasan yang setimpal kepada si pelaku sekiranya sabit kesalahannya mengikut Akta dan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang mana tertakluk kepada Penguasa Tatatertib akan dilucutkan daripada jawatan. Malahan mekanisme penjagaan bagi mangsa-



mangsa perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual telah sekian lama diwujudkan.

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam sejak penubuhannya pada 5 Ogos 2004 melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2004 bersedia untuk memberikan perkhidmatannya kepada setiap mangsa dalam perkhidmatan awam yang terlibat dalam gangguan sedemikian pada mengatasi kesan trauma akibat ke atasnya dari kejadian yang dialaminya. Setiap maklumat yang diterima atau sebarang perbincangan yang diadakan semasa sesi kaunseling akan sentiasa terkawal, terjaga dan serta dirahsiakan.

Dalam hubungan ini, agensi-agensi berkenaan pada masa ini dalam proses menyediakan garis panduan yang komprehensif bagi menangani isu-isu berkenaan. Sekian terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Yang Diberi Notis No.3. Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, isu

pengangguran sama ada dari lepasan sekolah rendah, menengah atau lepasan graduan-graduan daripada universiti dalam negeri mahupun luar negeri sama ada atas perbelanjaan kerajaan atau atas perbelanjaan persendirian selalu dibangkitkan.

Walaupun pihak kerajaan mengambil langkah untuk melayakkan mereka ini seperti menubuhkan *i-Ready* dan lain-lain serta membuka peluang peratus-peratus pekerjaan dengan mengadakan projek-projek sama ada atas peruntukan kerajaan ataupun melalui Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) namun jumlah pengangguran tidak berkurangan. Sering juga diperkatakan bahawa masalah pengangguran ini disebabkan memilih pekerjaan atau kelulusan akademik mereka itu tidak dapat dipasarkan (*not marketable*).

Soalan saya:

1. Apakah kesannya terhadap langkah kerajaan dengan menubuhkan badan-badan seperti *i-Ready* itu dalam mengurangkan pengangguran?;
2. Apakah strategi-strategi lain yang sedang dan akan dirangka untuk mengatasi perkara ini?; dan
3. Adakah perancangan supaya beberapa jawatan di Bahagian IV dan V seperti Buruh dan Pembersih diubah gelaran dalam Skim Perkhidmatan menjadi Pengawas

Kebersihan dan Penyelia  
Kebersihan.

Sekian Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri Di Jabatan  
Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai isu pengangguran ini. Seperti dimaklumi mewujudkan peluang pekerjaan adalah salah satu dasar utama kerajaan Negara Brunei Darussalam dan ia merupakan usaha *whole of nation approach* bahawa usaha-usaha mewujudkan peluang pekerjaan ini telah pun dilaksanakan oleh pelbagai agensi.

Perkara ini juga bukan sahaja dirancang, ia dipantau melalui Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) dalam Wawasan Brunei 2035 di bawah Petunjuk Prestasi Utama kebangsaan 3.7 iaitu jumlah pekerjaan yang dijana. Dalam ungkayah negara ini untuk mencapai sasaran, beberapa program dan inisiatif telah pun dikenal pasti dan sedang dilaksanakan yang antara lainnya adalah Program Rantisan *i-Ready* dan pusat perkembangan kapasiti.

Walau bagaimanapun, dalam memberi pencerahan mengenai kesan terhadap langkah kerajaan dengan menubuhkan badan-badan seperti *i-Ready* dalam mengurangkan pengangguran

bersesuaianlah ia akan dibentangkan oleh rakan sejawatan saya yang bertanggungjawab ke atas perkara tersebut iaitu Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Mengenai perkataan ataupun perubahan perkataan Buruh ataupun Pembersih. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, mengenai perancangan untuk mengubah gelaran jawatan Bahagian IV dan V seperti Buruh dan Pembersih dalam Skim Perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jawatan Buruh dan Pembersih adalah jawatan di dalam Bahagian IV dan V. Walau bagaimanapun, selain dua kategori jawatan ini terdapat kira-kira sebanyak 652 gelaran jawatan dalam Bahagian IV dan V dan lebih kurang 925 gelaran jawatan di Bahagian V dalam perkhidmatan awam.

Memandangkan cadangan ini mempunyai skop yang luas dan melibatkan gelaran jawatan yang banyak dan berbeza maka penelitian ke atas kesesuaian untuk diubah gelaran jawatan dalam Skim Perkhidmatan, akan dibuat oleh agensi-agensi yang berkenaan secara berfasa mengikut jenis jawatan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Penasihat Khas  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan  
Yang Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam dan Menteri di Jabatan**

**Perdana Menteri:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit jawapan daripada Yang Berhormat rakan saya tadi. Saya bukannya menentang perubahan itu tetapi baik jua berhati-hati mengubah gelaran itu kerana mengikut taksiran dalam beberapa kamus Bahasa Melayu, Pengawas itu diterjemahkan sebagai orang yang mengawas atau menjaga (mandur).

Penyelia pula juga diberikan makna dalam kamus pemerhati atau *supervisor* atau *inspector* jadi kalau sudah buruh jadi penyelia dan pengawas jadi *inspector* atau mandur, siapa nanti yang akan membuat kerja buruh itu? Jadi itu saja. Saya harap jawapan dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, rakan saya adalah memuaskan kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Begitulah 4 soalan yang telah pun dikemukakan. Adakan menambah? Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
 اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ  
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba/ kaola /saya terlebih dahulu ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk memberikan jawapan kepada soalan

yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, yang berkaitan dengan kesan langkah-langkah kerajaan dalam mengurangkan pengangguran serta strategi mengenainya.

Di samping itu, peramba / kaola / saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas cadangan dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, pada 6 Mac 2018, mengenai perantis-perantis program *i-Ready* yang berkecimpung dalam bidang pertanian.

Pertama sekali, izinkan peramba /kaola/ saya menghadapkan ulasan tambahan mengenai kesan-kesan inisiatif kerajaan termasuk program *i-Ready* terhadap kadar pengangguran. Inisiatif-inisiatif utama yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian yang dijalankan dengan agensi-agensi yang berkepentingan untuk menangani masalah pengangguran pada masa ini adalah pengendalian *Job Centre Brunei*.

Program-program yang bertumpukan kepada pengangguran di peringkat bukan graduan seperti Pusat Pembangunan Kapasiti dan Industri Kompetensi *Framework* serta program-program yang berfokus kepada peringkat graduan ke atas seperti program *i-Ready*.

Impak kesannya akan menjadi lebih jelas dan tepat dengan maklumat kadar pengangguran melalui *labour for survey* pada tahun 2017, yang kini dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan

Kemajuan Ekonomi. akan dikeluarkan pada tahun ini.

Namun begitu, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian kini memantau jumlah pencari kerja tempatan yang berdaftar di *Job Centre Brunei*. Seterusnya peramba / kaola / saya ingin mengongsikan trend-trend yang telah dilihat.

Sejak Program Perantisan Graduan *i-Ready* pada bulan April 2017, jumlah pencari kerja tempatan yang mempunyai kelulusan ijazah Sarjana Muda yang berdaftar di *Job Centre Brunei* telah menurun daripada 2,329 orang pada bulan April 2017 kepada 1,700 orang pada 15 Februari 2018 iaitu pengurangan sebanyak 27% dalam masa tersebut.

Program Perantisan *i-Ready* adalah satu platform kepada graduan yang mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas untuk mendapatkan pengalaman kerja di sektor swasta dan di sektor kerajaan. Antara tujuan program ini untuk meningkatkan *employability* dan *marketability* bagi mendapatkan pekerjaan tetap. Semasa menjalani program ini, para perintis akan sentiasa diberikan tunjuk ajar oleh penyelia atau *coach* bagi memastikan graduan yang dilatih mendapat kemahiran dan pengalaman yang diberikan. Elaun bulanan sebanyak B\$800.00 juga diberikan kepada para perintis dan akan dibiayai oleh pihak kerajaan bagi tempoh maksimum 3 tahun.

Jika organisasi berpuas hati terhadap prestasi *i-Ready* tersebut mereka bolehlah menetapkan para graduan *i-Ready* dalam jawatan berkenaan pada bila-bila masa. Setakat 22 Februari 2018 terdapat seramai 1,263 orang graduan yang sedang aktif mengikuti program tersebut. Seramai 146 orang perantis telah pun berjaya mendapatkan pekerjaan tetap di sektor kerajaan dan sektor swasta dan badan berakaun *statutory board*.

Menyentuh kepada persoalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai jumlah perantis *i-Ready* dalam bidang pertanian. Terdapat 18 orang graduan yang bekerja dalam 5 syarikat bidang pertanian iaitu 4 orang di Syarikat *Mc Gotech*, 8 orang di Syarikat *Golden Corporation*, 2 orang di *Golden Abbatoir*, 2 orang di *RZ Prisma* dan 2 orang di *Qaf Farm*. 5 orang graduan yang berkelulusan pertanian kini mengikuti Program *i-Ready*, seorang daripadanya menjawat jawatan di luar bidang pertanian dan kini menjalani *up-scaling* melalui latihan *on the job*.

Manakala seramai 4 graduan pula bekerja di dalam bidang pertanian. Pada masa ini juga terdapat 7 jawatan kosong di bawah program *i-Ready* dalam bidang pertanian di mana 3 daripadanya adalah berkaitan dengan kerja-kerja pertanian.

Jumlah pencari kerja tempatan yang mempunyai kelulusan menengah dan ke bawah yang berdaftar di *Job Centre Brunei* telah menurun daripada 5,298 orang pada bulan April 2017 kepada

4813 orang pada bulan Disember 2017 iaitu pengurangan pencari kerja tempatan sebanyak 9%.

Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan ini adalah dengan kemasukan para pencari kerja tempatan untuk mengikuti program *Industry Competency Framework (ICF)* iaitu program usaha kerjasama rapat antara Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dan Kementerian Pendidikan dengan konsultasi pihak industri untuk melahirkan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal menurut keperluan industri. Sejak program *ICF* ini dilancarkan pada Julai 2013 seramai 1,785 pelatih telah menamatkan kursus dan seramai 86.5% iaitu 1,544 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan tetap.

Seterusnya bagi jumlah pencari kerja tempatan yang mempunyai kelulusan teknikal dan vokasional pula, jumlah pencari kerja tempatan yang mempunyai kelulusan teknikal dan vokasional yang berdaftar di *Job Centre Brunei* juga telah menurun daripada 3,665 orang pada bulan April 2017 kepada 2,996 orang pada bulan Disember 2017 iaitu penurunan sebanyak 18%. Antara penyebab penurunan ini adalah penubuhan Pusat Pembangunan Kapasiti (*PPK*) pada September 2017 yang bertujuan *re-scaling* dan *up-scaling* pencari kerja tempatan mengikut kehendak industri dan diiktiraf di pelbagai sektor swasta termasuk syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing.

Setakat ini 619 pelatih telah berjaya menamatkan kursus di *PPK* dan 616 orang daripadanya telah memulakan pekerjaan di Pulau Muara Besar sejak bulan Januari 2018.

Seterusnya mengenai persoalan Yang Berhormat tentang strategi-strategi yang sedang dilaksanakan dan akan dirancang. Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian memberi kepada 3 perkara yang bersama didukung juga dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan pembangunan modal insan:

1. Penjanaan jenis pekerjaan dan pengisian jawatan kosong di peringkat profesional, *managerial*, eksekutif dan teknikal oleh pekerja-pekerja tempatan. Pada tahun 2017, sebanyak 2,285 jawatan di peringkat profesional, *managerial*, eksekutif dan teknikal telah diisikan iaitu 45% daripada jumlah keseluruhan sebanyak 5,110 jawatan peringkat *PABT* yang diiklankan melalui *Job Centre Brunei*;

Langkah-langkah yang akan diambil bagi melaksanakan inisiatif ini termasuk perancangan penggantian pekerja asing bagi jawatan-jawatan profesional, *managerial*, eksekutif dan teknikal melalui proses saringan lesen pekerja asing dan membangun *talent profile* di peringkat profesional, *managerial*, eksekutif dan teknikal. Di samping itu, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan terus bekerjasama dengan Kementerian

Pendidikan melalui Kumpulan Bertindak Institusi Pengajian Tinggi bagi mewujudkan kesepadanan, permintaan dan perbekalan dalam kalangan graduan dan meneliti semula kurikulum pendidikan agar ia menurut keperluan industri;

2. Mengembangluaskan semangat keusahawanan. Inisiatif ini juga sejajar seperti mana menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 7 Februari 2018 yang antara lain menyentuh perkembangan *entrepreneurship* dititikberatkan dan memainkan peranan penting bagi menjana peluang pekerjaan pada orang ramai dan tambahan lagi menanai semangat berdikari dan tidak bergantung pada kerajaan. Menanai semangat keusahawanan ini perlu dipupuk di pelbagai peringkat dengan melibatkan beberapa agensi yang berkepentingan termasuk *Darussalam Enterprise*, institusi-institusi pendidikan dan sektor swasta; dan
3. *Mindset* dan daya tahan terutamanya dalam kalangan belia yang mencari pekerjaan. Persepsi antara sesetengah perusahaan terhadap pencari kerja tempatan

kurang persediaan dan kedayatahan pekerja tempatan seperti berhenti tanpa notis, *absentism* dan masalah disiplin yang lain. Ini mengakibatkan kebergantungan tinggi pekerja asing termasuk dalam sektor-sektor seperti pembinaan, hospitaliti dan perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan dan motosikal. Usaha-usaha yang berkaitan dengan menanam nilai-nilai dan semangat yang diperlukan ini melibatkan penelitian dan kerjasama kolaborasi antara semua pihak yang berkepentingan dan orang ramai agar meningkatkan keberkesannya dalam menangani isu pengangguran di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, jua yang dapat kaola sampaikan mengenai persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih. Kita telah pun mendengar 3 soalan yang telah pun dijawab dengan penuh terperinci oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman silakan.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya ingatkan bahawa soalan tambahan ini haruslah berkisar kepada tiga (3) soalan yang telah pun dikemukakan tadi dan bukanlah merupakan perkara-perkara yang baharu.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ia tambahan daripada rakan saya Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai *i-Ready*.

Soalan dikemukakan kepada Yang Berhormat. Pertanyaan saya begini: Adakah *i-Ready* punya program itu cuma dihadkan kepada tempatan sahaja di Brunei? Adakah berpeluang untuk meng*extend* strategi-strategi ke luar negeri yang dapat memberi *training* di luar negeri mungkin melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk mencari pekerjaan atau *training* di mana-mana yang ada sekiranya berkaitan dengan profesion ataupun mereka punya *field* di luar negeri.

Ini adalah untuk melihat ataupun memberi *exposure* kepada kitani punya *graduates* bahawa latihan-latihan di luar negeri dapat memberikan mereka banyak peluang untuk mempelajari di luar.

Oleh sebab kadang-kadang di Brunei ini kitani terhad mengenai *training* dan

kalau dilihat tadi cuma 25% kitani punya *graduates* yang telah memperolehi pekerjaan dalam masa satu tahun. Kalau dilihat dari segi *i-Ready* masa ini ada 1,263 *graduates* yang di bawah skim *i-Ready*.

Adakah berpeluang mereka sekiranya dilihat untuk dapat skim yang sama bahawa mereka mungkin diberi elaun \$800.00 dan tambahannya mungkin dari *companies* di luar negeri dalam masa yang dihadkan bersama *conditiomnya* dalam masa tiga tahun untuk mereka berpeluang *training* di luar negeri. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat soalan tadi kalau boleh kaola dapat menjawab barangkali akhir sedikit mengambil beberapa faktor berkenaan dengan soalan tadi yang mungkin nanti sahaja. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya benarkan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman pada suatu ketika kemudian nanti **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Sekarang kita beralih kepada perkara yang lain.

Sebagaimana yang kita ketahui pada petang semalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah mula membincangkan Perkara VII Rang

Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Rang ini telah dibaca bagi kali pertamanya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II ingin meyambung perbincangan Rang Undang-Undang yang telah dicadangkannya pada petang semalam. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin bagi memaklumkan pada majlis ini bahawa kaola ingin membukakan cadangan untuk bacaan bagi kali yang kedua dan yang ketiga bagi Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu**" pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh sebab kaola bercadang hendak membawa bacaan kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut ini pada hari ini jua, maka kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara agar membolehkan kaola untuk

membuat cadangan yang sedemikian pada hari ini jua. Permohonan kaola ini semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerja dengan lebih lancar dan lebih teratur lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah kitani mendengar alasan dan keterangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu**" untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud**



**yang tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي  
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَنْفَعُوا أَوْلِيَاءِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan pengeluaran sejumlah B\$5.3 bilion Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual. Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas tinjauan ekonomi global serta impak dan cabaran-cabarannya kepada ekonomi negara selaku asas dalam penyediaan Belanjawan Negara Tahun kewangan 2018/2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat serta berkat kepimpinan bijaksana raja yang berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di sebalik cabaran-cabaran ekonomi yang kita alami beberapa tahun ini, kebajikan serta kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini terus

dipeduli dan diberikan keutamaan dalam apa jua perancangan kerajaan.

Dalam pada itu, kerajaan juga akan terus berusaha dalam melaksanakan usaha-usaha untuk mengembangkan sumber ekonomi dan pendapatan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Situasi pasaran minyak global pada kebelakangan ini walaupun telah menunjukkan perkembangan yang positif namun pergerakan harga minyak yang *volatile* dan berbagai faktor yang di luar jangkaan dan kawalan akan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara secara keseluruhannya. *International Monetary Fund (IMF)* dalam laporan *World Economic Outlook update* keluaran Januari 2018 mengunjurkan ekonomi dunia akan berkembang 3.9% bagi Tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017.

Pertumbuhan ini didukung oleh keadaan iklim kewangan yang menggalakkan peningkatan terhadap pelaburan khususnya di ekonomi-ekonomi maju. Perdagangan global, Pengeluaran Perindustrian Global terutamanya di rantau Asia dan mengukuhkan keyakinan perniagaan serta pengguna.

Di Negara Brunei Darussalam pula, bagi Tahun 2017 unjuran Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 0.8%.

jika jangkaan ini ditepati maka negara **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** akan mencatat pertumbuhan positif yang pertama sejak tahun 2013. Unjuran ini berandaikan pertumbuhan dari kedua-dua sektor minyak dan gas dan bukan sektor minyak dan gas dengan mengambil kira projek-projek yang sedang diusahakan seperti mengukuhkan integriti aset-aset di sektor minyak dan gas dan program-program pelaburan langsung asing (*FDI*) yang berjalan pada masa ini.

Bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dengan harga minyak global pada tahap rendah, negara telah merekodkan defisit berjumlah kira-kira \$2.6 bilion iaitu 16.6% daripada keluaran dalam negeri kasar KDNK.

Bagi Tahun Kewangan 2017/2018 pula kerajaan dijangka akan mencatat kadar defisit yang berkurangan disebabkan peningkatan harga pasaran minyak global dari tahun sebelumnya. Namun pergerakan harga minyak ini dijangka akan terus sukar diramal kerana berbagai-bagai faktor yang mudah saja mempengaruhi turun naiknya harga di pasaran minyak global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam hasrat untuk membina dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan kemakmuran negara terus dipelihara dan dapat dinikmati oleh generasi-generasi akan datang.

Tumpuan akan terus diberikan kepada dasar *fiscal consolidation* dan *fiscal sustainability* dengan menekankan

aspek-aspek kos-efektif, properniagaan serta perbelanjaan berhemah ataupun *prudent spending* tanpa menjejaskan tahap perkhidmatan produktiviti dan kewangan kerajaan bagi jangka masa panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 termasuk peruntukan bagi Kumpulan wang Kerajaan dicadang keseluruhannya sebanyak B\$5.3 bilion. Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 diunjurkan berjumlah B\$3.76 bilion. Di mana hasil daripada sektor minyak dan gas dianggarkan sebanyak kira-kira B\$2.84 bilion. Manakala sektor bukan minyak dan gas dianggarkan sebanyak B\$921.5 juta. Oleh itu, belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2018/2019 dijangka akan terus mengalami defisit berjumlah kira-kira B\$1.54 bilion.

Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 ialah "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi bagi Memelihara Kemakmuran Negara". Tema ini menjelaskan objektif perancangan perbelanjaan kerajaan untuk memberikan tumpuan kepada program-program yang dapat meningkatkan produktiviti dan meneroka peluang-peluang bagi meningkatkan sumber dan aktiviti perekonomian yang berdaya tahan.

Di samping itu, perancangan belanjawan ini jua memberikan tumpuan kepada aktiviti sektor bukan minyak dan gas serta menjana lebih

banyak peluang pekerjaan terutamanya di sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi mendukung tema di atas tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan akan diuruskan kepada 5 fokus utama seperti berikut:

1. Perbelanjaan Berhemah (*prudent spending*);
2. Mewujudkan peluang pekerjaan dan membina kapasiti;
3. Meningkatkan produktiviti negara melalui inovasi;
4. Memudah cara perniagaan; dan
5. Memelihara kesejahteraan awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu persatu:

1. Perbelanjaan Berhemah – Walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi yang mencabar disebabkan pasaran minyak global yang *volatile* kerajaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus memberikan tumpuan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi negara.

Objektif kerajaan jelas iaitu untuk mencapai kedayatahan, *sustainable* dan kelangsungan ekonomi negara jangka masa panjang. Ke arah itu, kerajaan akan terus membuat perancangan

perbelanjaan yang efisien, kos efektif dan mengikut keutamaan ataupun *priority spending* tanpa menjejaskan usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan produktiviti kerajaan.

Dalam masa yang sama usaha-usaha untuk meningkatkan hasil akan jua terus diberikan keutamaan dengan meneroka kaedah-kaedah baharu yang berkesan di samping menguatkuasakan peraturan dan perundangan khususnya kutipan hasil yang tertunggak. Semua ini akan memerlukan kerjasama yang padu daripada semua pihak sama ada sektor awam, sektor swasta ataupun orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, keutamaan belanjawan kedua ialah mewujudkan peluang pekerjaan dan membina kapasiti. Dalam fokus ini keutamaan kerajaan akan diuruskan pada mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan terutama di sektor swasta melalui perkembangan aktiviti perusahaan, perniagaan dan pelaburan di negara ini. Berdasarkan perangkaan dari Tabung Amanah Pekerja bagi lima tahun kebelakangan, sektor swasta telah dapat meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan iaitu dari tahun 2013 hingga 2017 pendaftaran pekerja-pekerja baharu dari sektor swasta telah meningkat seramai 29,600 orang berbanding 3,112 orang dari sektor kerajaan.

الحمد لله Pusat Pembangunan Kapasiti yang telah mula beroperasi pada bulan September 2017 dan dihasratkan untuk melahirkan seramai 2,800 pelatih hingga 3,000 pelatih yang berkemahiran sehingga penghujung tahun 2018. Manakala *Program i-Ready*, yang dikhususkan bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan telah dilancarkan pada 1 April 2017. Sehingga 1 Mac 2018, seramai 1,562 orang graduan telah ikut serta dalam program ini, iaitu seramai 1,263 orang sedang menjalani penempatan kerja dan 146 graduan telah ditawarkan pekerjaan tetap. Bagi meneruskan kedua-dua inisiatif ini, peruntukan sejumlah \$43 juta telah disediakan dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

Bagi meningkatkan kapasiti, khususnya dalam pencapaian akademik sama ada di peringkat pendidikan rendah dan menengah serta kualiti tenaga pengajar tempatan dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan Matematik, kerajaan pada tahun 2016 melalui Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Latihan Literasi dan Numerasi yang setakat ini seramai 50 orang guru tempatan telah diiktiraf sebagai tidak *accredited local coaches* agar terlalu bergantung pada tenaga-tenaga pengajar luar.

Manakala seramai 107 orang graduan tempatan telah terpilih untuk mengisikan jawatan guru tempatan berkontrak dan seterusnya mengikuti latihan mengajar bagi mata-mata pelajaran berkenaan. Bagi membiayai

program ini, peruntukan sejumlah \$15 juta akan disediakan bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

Di samping itu, institusi-institusi pengajian tinggi dan pendidikan teknikal jua terus memainkan peranan penting dalam menyediakan graduan-graduan yang berkemahiran dan *marketable* dalam sama-sama membangunkan keperluan tenaga manusia di negara ini.

Bagi mendukung secara berterusan usaha-usaha kerajaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan membina kapasiti, beberapa peruntukan lain jua telah disediakan. Antaranya, \$44.6 juta disediakan untuk biasiswa. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara, untuk Sumber Tenaga Manusia sejumlah \$50.7 juta dengan harga rancangan \$248 juta. \$31.3 juta untuk kementerian-kementerian bagi program meningkatkan kemahiran dan kapasiti pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk \$7.5 juta untuk Skim Latihan Dalam Perkhidmatan dan kerajaan jua telah meneruskan tambahan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) sebanyak \$30 juta kepada \$80 juta.

Dalam pada itu, penekanan kepada perkembangan rohani belia akan terus diberi keutamaan. Bagi mendukung program-program berkaitan, beberapa peruntukan telah disediakan antaranya termasuklah Elaun Tasmik bagi penuntut-penuntut hufaz Al-Quran sebanyak \$1.1 juta. Elaun Tenaga Pengajar Kelas Mukadam dan Muslimah sebanyak \$700,000.00 dan Elaun Tenaga Pengajar Kelas-Kelas Dewasa

dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja sebanyak \$320,600.00.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Fokus belanjawan yang ketiga ialah meningkatkan produktiviti negara melalui inovasi untuk meningkatkan sumbangan industri bukan minyak dan gas kepada keluaran dalam negara kasar. Kerajaan akan terus berkerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan kecekapan proses dan mutu perkhidmatan yang lebih sistematik dan efisien kepada orang ramai selaras dengan sasaran Wawasan Brunei 2035.

Dalam hubungan ini, beberapa Projek *ICT* telah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Sistem *e-invois* adalah untuk memudahkan penghantaran invois secara *on-line* oleh pembekal dengan menggunakan portal yang disediakan oleh Kementerian Kewangan sejak 4 September 2017. Sistem ini bertujuan untuk mengurangkan isu-isu tunggakan yang disebabkan oleh masalah pembekalan barangan tanpa *purchase order*. Sehingga 21 Februari 2018, sebanyak 21,834 invois telah pun dihantar melalui sistem ini oleh pembekal. Dari jumlah tersebut, sebanyak 15,448 atau 70.8% invois secara keseluruhannya telah pun dibayar, iaitu sebanyak 13,172 atau 85.3% invois daripadanya telah dapat dijelaskan dalam tempoh 30 hari

seperti sasaran tekad pemedulian orang ramai.

*One Common Billing System (OCBS)* yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ke atas agensi kerajaan yang belum mempunyai *billing system* adalah bertujuan untuk mengeluarkan dan mengurus bil tuntutan serta proses kutipan hasil-hasil kerajaan dengan lebih efisien.

Oleh itu, bagi mendukung projek ini, peruntukan sejumlah \$2 juta telah disediakan. Pusat Kerajaan e-Kerajaan telah melaksanakan inisiatif perkhidmatan *One Government Private Cloud (OGPC)* sebagai pelaksanaan secara pusat bagi sistem-sistem e-Kerajaan secara efisien dan penjimatan kos dalam pembelian peralatan-peralatan *hardware* serta kos pemeliharaan.

Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kepada orang ramai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melancarkan sistem aplikasi *Smart-Q*. Melalui aplikasi ini orang ramai boleh menempah *Stock-Q* mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan dan secara langsung telah dapat mengurangkan tempoh menunggu giliran bagi perkhidmatan di jabatan berkenaan.

Selain itu, beberapa inisiatif masih lagi diteruskan antaranya seperti sistem maklumat permohonan dan pendaftaran tanah dan pindaan ke atas Akta Cukai bagi membolehkan syarikat-syarikat menuntut *capital allowance* pada kadar seratus peratus bagi perbelanjaan

*capital* dalam *ICT* sebagai insentif kepada syarikat-syarikat untuk meningkatkan efescensi produktiviti operasi mereka.

Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti ladang, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:-

1. Menjemput syarikat-syarikat swasta untuk memajukan penghasilan padi di Kawasan Kampung Panchor Murai 'A' dan 'B', Pertanian di Kampung Merangking, Kuala Belait, Kompleks Memproses Beras, Wasan dan Tapak Ekopelancongan Sibong Hutan di Kampung Tanah Jambu;
2. Industri Perikanan Tempatan telah menembusi pasaran Erpoah bagi Industri Udang dan pasaran Amerika Syarikat, China, Hongkong dan Taiwan bagi Industri Ikan. Di samping itu, Jabatan Perikanan juga telah diberikan pengiktirafan oleh *Directrade General for Health and Food Safety European Commision* sebagai *Competent Authority* untuk memberikan pengesahan bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan mengeksport produk-produk mereka ke destinasi-destinasi berkenaan; dan
3. Memperkenalkan teknologi baharu seperti pemeliharaan ikan secara bertingkat *Multi-tier Recirculation Aquaculture System*, menggunakan

sistem air kitaran semula (*Recirculating Aquaculture System*) dan *High Density Intensive Aquaculture* yang membolehkan peningkatan produktiviti aktiviti *aquaculture* ke tahap yang jauh lebih tinggi daripada sistem *aquaculture conventional*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Selaras dengan usaha memperkesankan perkhidmatan awam yang merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (*RKPA*) yang bertujuan mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Salah satu subinisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (*RKPA*) ialah sistem pengurusan prestasi perkhidmatan awam baharu yang bertujuan untuk memupuk budaya berasaskan prestasi dalam pengurusan perkhidmatan awam. Sistem ini telah mula dilaksanakan pada 1 Oktober 2017 bagi menggantikan sistem pengurusan prestasi lama yang telah digunakan semenjak tahun 1998.

Mengambil kira inisiatif-inisiatif dan perancangan agensi-agensi kerajaan bagi mendukung usaha ke arah peningkatan produktiviti negara, beberapa peruntukan khusus akan disediakan seperti berikut:-

1. Peruntukan bagi teknologi maklumat di bawah setiap kementerian

- disediakan keseluruhannya berjumlah \$67.1 juta;
2. Kajian Sains Teknologi dan Inovasi disediakan disediakan \$6 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara;
  3. Memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri *aquaculture* dengan harga rancangan sebanyak \$15 juta;
  4. Industri Pertanian, termasuk bagi penanaman padi dan sayur masing-masing dengan harga rancangan sebanyak \$10 juta dan \$30 juta;
  5. Peruntukan sebanyak \$70.7 juta, dalam Rancangan Kemajuan Negara dengan harga rancangan sebanyak \$231.1 juta bagi memelihara sistem-sistem penjanaan kawalan dan penghantaran tenaga elektrik;
  6. Peruntukan sebanyak \$3 juta bagi mengukuhkan produk-produk pelancongan di bawah Rancangan Kemajuan Negara; dan
  7. Bagi memastikan aset-aset dan kemudahan-kemudahan awam dipelihara sewajarnya, peruntukan pemeliharaan aset secara keseluruhannya bagi kesemua kementerian dan jabatan kerajaan telah ditambah sebanyak 20%, kira-kira \$39.5 juta kepada \$238.2 juta berbanding Tahun Kewangan sebelumnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang izinkan saya menyentuh mengenai fokus belanjawan yang keempat iaitu memudah cara perniagaan. Fokus ini akan terus memberi keutamaan bagi meningkatkan lagi iklim perniagaan dan pelaburan. Membantu kemajuan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS). Menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan menjana lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan khususnya di sektor swasta.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kedudukan negara dalam melakukan *Doing Business 2018* keluaran *World Bank* secara keseluruhannya telah meningkat dari tangga ke-72 pada tahun 2017, ke tangga ke-56 dari kalangan 190 negara di seluruh dunia. Menurut laporan tersebut Negara Brunei Darussalam juga telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang paling meningkat dalam usaha memudah cara perniagaan selama 3 tahun berturut-turut.

Peningkatan ketara yang tercapai ini adalah menunjukkan bahawa melalui perancangan yang teratur serta usaha dan kerjasama padu semua pihak. Selaras dengan *Whole Of Nation Approach* yang diterajui kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam insya-Allah, langkah untuk terus mempertingkatkan iklim dan persekitaran perniagaan dan pelaburan di negara ini boleh dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola mengongsikan mengenai beberapa buah syarikat pelaburan asing dan tempatan yang mula bertapak dan beroperasi di negara ini. Antaranya pengeluaran produk makanan sedia dan halal *Saahtain Group* yang beribu pejabat di *United Arab Emirate* melalui anak syarikatnya yang pertama di luar negara telah mula beroperasi di negara ini pada 1 November 2017.

Syarikat ini mengeluarkan bekalan produk pak makanan untuk kegunaan tentera, makanan pasaran am dan makanan untuk bantuan kemanusiaan yang berpotensi tinggi untuk di eksport ke luar negara. Sebagai penambah nilai kesemua produk *Saahtain Asia Sendirian Berhad* turut disahkan halal menggunakan Persijilan Brunei Halal.

Kilang majerin pertama di negara ini Syarikat *Western Foods and Packaging Sendirian Berhad* iaitu sebuah Syarikat *Foreign Direct Investment (FDI)* dari negara Teluk yang berlokasi di tapak Perindustrian Serasa dengan keluasan tapak 1.9 hektar menggunakan teknologi moden dan mempunyai kapasiti untuk menghasilkan 200 metrik tan majerin sehari.

Produk-produk dari kilang ini juga menggunakan Persijilan Brunei Halal yang memberi nilai tambah kepada pengguna-pengguna beragama Islam di seluruh dunia. Setakat bulan Februari 2018 syarikat ini telah memberikan pekerjaan kepada 79 orang anak

tempatan iaitu 96% daripada jumlah keseluruhan tenaga pekerja mereka.

Pusat Perkhidmatan dan Loji *Trading Oil Country Tubular Goods SC Tubular Solution* Sendirian Berhad dan *VAMBRN* Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat *Foreign Direct Investment (FDI)* dari Jepun yang terletak di Tapak Perindustrian Salambigar dirasmikan pada 10 Mei 2017. Projek *Foreign Direct Investment (FDI)* yang bernilai US\$52 juta telah dapat memberi pekerjaan kepada 135 orang anak tempatan setakat bulan Februari 2018 iaitu 81 % daripada jumlah keseluruhan tenaga pekerjaan mereka.

Sementara itu sebuah syarikat tempatan komersial *Ghanim International Corporation* Sendirian Berhad beroperasi bagi jenama *Brunei Halal Foods* telah ditubuhkan pada 2009 setakat ini Syarikat Ghanim telah bekerjasama dengan 17 perusahaan kecil dan sederhana tempatan untuk mengeksport produk-produk mereka di bawah jenama *Brunei Halal Food* ke pasaran serantau melalui rangkaian pengedaran Ghanim di Negara China, Singapura dan Timur Tengah. Syarikat ini telah memberikan peluang pekerjaan seramai 27 orang anak tempatan iaitu 93% daripada jumlah keseluruhan tenaga pekerja mereka.

Di samping itu, pembinaan dan operasi Perkilangan dan Pulau Muara Besar, insya-Allah akan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan memberikan *spin off* secara langsung dan tidak langsung kepada



syarikat-syarikat tempatan. Antara sektor yang berpotensi untuk merebut peluang perniagaan termasuklah:-

1. Sektor perkhidmatan seperti perundangan dan perakaunan;
2. Perkhidmatan sokongan (*support services*) seperti keselamatan hospitaliti dan lain-lain;
3. Sektor pembuatan dan perbekalan seperti perusahaan sajian; dan
4. Pembinaan pengangkutan teknologi maklumat dan komunikasi dan lain-lain.

Sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan akses peniaga-peniaga kepada sumber kewangan khususnya perusahaan mikro kecil dan sederhana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda sempena menyambut awal Tahun Baharu Masihi 2018 telah memperkenankan bagi Bank Usahawan untuk mula beroperasi pada awal tahun 2018 ini. Bank ini dihasratkan untuk memberi kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan kepada Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) untuk meningkatkan aktiviti swasta berdasarkan prinsip-prinsip syariah.

Dalam usaha lain untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kerajaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan telah memperkenalkan satu program

pengiktirafan pelanggan yang dikenali sebagai *Sutera Lane Merchant Scheme* mulai 2 September 2017.

Program ini akan memberikan kemudahan pelepasan barangan di kawasan kawalan kastam selaras dengan konsep *authorise economic operator* yang diiktiraf oleh *World Custom Organisation* selaras dengan fokus ini dan sebagai usaha kerajaan untuk terus mendukung perkembangan sektor swasta terutama Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) di negara ini.

Beberapa peruntukan akan disediakan dalam Tahun Kewangan 2018/2019 yang antaranya termasuklah peruntukan bagi mendukung Pembangunan Kemajuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebanyak \$5 juta di bawah fokus perbelanjaan.

Sejumlah \$4 juta disediakan untuk membiayai kerja-kerja pemeliharaan dan peningkatan infrastruktur tapak-tapak perusahaan bagi mendukung usaha memperkembangkan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) untuk meningkatkan produktiviti pelabur di negara ini.

Sejumlah \$2.3 juta diperuntukkan bagi projek kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan tapak perindustrian Pekan Belait Fasa 3 di bawah Rancangan Kemajuan Negara dalam harga rancangan sebanyak \$4.1 juta.

Sejumlah \$1.8 juta diperuntukkan juga di bawah Rancangan Kemajuan Negara

untuk mendukung Pembangunan Infrastruktur Industri Ternakan Udang dan bagi meneruskan usaha satu kampung satu produk sejumlah \$250 ribu telah diperuntukkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, keutamaan belanjawan yang terakhir adalah memelihara kesejahteraan awam. Sebagai usaha untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial rakyat dan penduduk di negara ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Elaun Kurang Upaya yang dikurniakan kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini yang berkelayakan dan berumur 15 ke atas pada masa ini untuk dilaratkan kepada rakyat dan penduduk tetap yang berumur di bawah 15 tahun dengan kadar \$150 iaitu setelah mendapat pengesahan kurang upaya daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.

Beberapa program di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jua telah dilaksanakan. Antaranya Program Perkasa Komuniti dengan sesi taklimat program Celik Kewangan ataupun *Financial Literacy* kepada penerima Baharu Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB), Program Pelan Kerajaan, Program Berniaga dari Rumah, Projek Rintis BKB 100, dan Program Inovasi Belia Berwawasan telah dilaksanakan.

Setakat ini pelaksanaan program tersebut telah berjaya mengurangkan jumlah penerima Bantuan Kebajikan Bulanan sebanyak 32% pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

Selain inisiatif-inisiatif yang telah berjalan, peruntukan di bawah Perancangan Kawalan Negara jua akan disediakan bagi fokus ini yang antaranya peruntukan sebanyak \$10 juta dengan harga rancangan \$315 juta disediakan bagi membiayai projek-projek berkaitan perumahan negara sebagai usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik terutamanya bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Harga rancangan sebanyak \$21 juta disediakan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam di negara ini. Peruntukan bagi Pengurusan Pencegahan Banjir disediakan sejumlah \$11.5 juta dengan harga rancangan sejumlah \$45.8 juta. Di samping itu peruntukan bagi Pemeliharaan Kemudahan Awam dan *infrastructure* juga disediakan sebanyak \$37.7 juta bagi memastikan kemudahan-kemudahan tersebut terpelihara dan selamat digunakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain peruntukan melalui Rancangan Kemajuan Negara, peruntukan lain juga disediakan bagi perkara-perkara berikut:-

- Peruntukan sebanyak \$78 juta disediakan bagi Perkhidmatan Kesihatan dan Pembekalan

Perubatan, manakala sejumlah \$30 juta terus disediakan bagi membiayai pesakit yang menjalani rawatan perubatan *di Pantai Jerudong Specialist Centre dan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre* termasuk bagi merawat pesakit strok dan jantung; dan

- Peruntukan Pengutipan Sampah disediakan sebanyak \$7.3 juta bagi memastikan kebersihan dan keindahan alam sekitar termasuk kemudahan-kemudahan awam, taman-taman riadah dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penerangan yang kaola kongsi di atas, kerjasama padu dari semua pihak perlu untuk mendukung perancangan yang disusun dan dilaksanakan oleh kerajaan khususnya dalam usaha untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara daripada terus bergantung pada sektor minyak dan gas.

Usaha-usaha untuk membangunkan dan mengukuhkan sektor swasta perlu menjadi salah satu teras utama perancangan negara yang merangkumi usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing memperkukuhkan keupayaan dan daya saing industri-industri tempatan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para belia termasuk bidang *entrepreneurship* dan lain-lain.

Adalah jua menjadi harapan kita agar setiap lapisan masyarakat negara ini sama-sama mendukung usaha-usaha menangani cabaran ekonomi dengan mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian termasuk penggunaan kemudahan-kemudahan asas yang bersubsidi. Sebarang penjimatan yang diperolehi insya-Allah akan dapat disalurkan kepada keperluan-keperluan lain yang lebih bermanfaat.

Pada masa yang sama komuniti perniagaan khususnya pengusaha-pengusaha tempatan diseru untuk terus berusaha dengan gigah demi meningkatkan produktiviti masing-masing dan meneroka kaedah yang berinovasi untuk menjadi lebih berdaya saing dan daya maju.

Di samping itu dengan inisiatif-inisiatif cukai seperti Kredit Cukai sebanyak 50% ke atas jumlah gaji bagi pengambilan pekerja tempatan. Kredit Cukai sebanyak 100% ke atas bayaran gaji pekerja yang dihantar berkursus.

Potongan tambahan bagi bayaran caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan potongan tambahan bagi bayaran gaji dalam tempoh 15 minggu bagi pekerja yang bercuti bersalin yang telah dihulurkan oleh kerajaan diharapkan majikan-majikan akan terus meningkatkan dan mengambil berat akan hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja mereka.

Kaola juga percaya agensi-agensi kerajaan akan terus berusaha untuk

meningkatkan mutu perkhidmatan bukan sahaja menjadi probisnes tapi jua mencapai produktiviti yang tinggi demi memaju pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sokongan padu semua pihak selaras jua dengan amalan *Whole of Nation Approach*, insya-Allah kita penuh yakin supaya usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan sedang berjalan pada masa ini akan dapat dilaksanakan dengan lancarnya demi mencapai hasrat murni untuk menjadikan negara yang kita cintai ini sentiasa aman makmur dan sejahtera.

Kita jua terus berdoa agar negara kita yang mengamalkan hidup berteraskan konsep Melayu Islam Beraja akan sentiasa maju aman makmur sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir negara yang aman makmur dengan mendapat keredaan pertolongan dan keberkatan Allah Subhanahu Wataala Yang Maha Berkuasa.

Oleh itu, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang

Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kewangan Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang tahun kewangan 2018/2019.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya kita berhenti berehat selama 15 minit dahulu dan kita insya-Allah akan menyambung semula perbincangan mengenai Rang Undang-Undang ini.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat berehat  
sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum persidangan ini ditangguhkan tadi untuk kita berehat sebentar, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah memberikan kenyataan yang komprehensif mengenai Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 tentang perancangan-perancangan dan hala tuju bajet kewangan negara ini bagi tahun Kewangan 2018/2019.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahas, saya ingin bertanya, adakah ahli di sebelah kanan saya ingin

untuk menyokong Rang Undang-Undang yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan sepenuhnya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah selesai dibaca dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan Rang Undang-Undang ini mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya sekarang ingin membukakan untuk perkara ini dibahaskan. Walau macam manapun saya ingin mengingatkan atau menarik perhatian bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-Undang ini biarlah kali ini perbahasan kita itu menumpu kepada kelayakan atau merit dan asas Rang Undang-Undang sahaja. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. الْحَمْدُ لِلَّهِ Allahumma Sholli Ala Saidina Muhammad Waala Saidina Muhammad. Kaola pertama-tama menjunjung kasih atas kurnia penambahan bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan daripada \$30 juta kepada \$80 juta.

الْحَمْدُ لِلَّهِ di sini kaola memohon supaya syarat kelayakan akademik dilonggarkan seperti mana jika memasuki salah satu institusi tinggi 240 mata diturunkan sekira-kiranya 220 atau 200 mata. Ini membolehkan memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang tidak mampu mendapatkan biasiswa kerajaan.

Dengan ini penuntut-penuntut tidak akan terkandas dan dapat melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi dan juga dipohonkan bagaimana mengatasi keperluan perbelanjaan penuntut-penuntut yang dihantar ke Universiti Al-Azhar untuk pembiayaan pembelajaran Bahasa Arab terpaksa dibuat perbelanjaan sendiri maka dipohonkan dapat membuat pinjaman melalui Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya kira perkara spesifik seperti yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat setentunya akan dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan apabila kita duduk dalam Jawatankuasa kemudian nanti.

Silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Kaola merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II atas perbentangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2018/2019. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$4.6 bilion dari Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Memandangkan harga minyak masih rendah tiga tahun kebelakangan walaupun ada peningkatan harga minyak tetapi perlahan, sebagai negara pengeluar minyak kedudukan harga minyak dunia yang tidak ketentuan akan mempengaruhi ekonomi negara ini dan fiskal negara berhadapan dengan cabaran defisit seperti yang dijelaskan \$2.6 bilion itu masih tinggi.

Maka langkah pengawalan perbelanjaan yang baru sahaja dibentangkan oleh Menteri Kewangan II itu tadi kelihatannya masih diteruskan adalah disambut baik dan menyokong penuh, kerana ia suatu usaha untuk mengurangkan unjuran defisit belanjawan iaitu bertujuan untuk mewujudkan *fiscal space* yang cukup agar perbelanjaan kerajaan akan dapat disalurkan kepada projek dan program yang keutamaan iaitu perekonomian yang berdaya tahan.

Menurut pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II tadi beberapa inisiatif yang telah

dan akan dilaksanakan sebagai cara negara ini berbelanja secara berhemah iaitu mengikut keutamaan dan keperluan serta berwaspada. Termasuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan melalui aktiviti perusahaan di sektor swasta. Walau bagaimanapun, kita sangat bersyukur kerana perbelanjaan kerajaan masih tidak mengenyakan sebahagian keutamaan peruntukan kemajuan, keperluan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutama membantu hal-hal yang berkaitan dengan meningkatkan pendidikan, kesihatan, keagamaan, peningkatan kebelaian dan membantu orang yang kurang berkemampuan dan kurang upaya.

Usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan selain minyak dan gas perlu diambil perhatian, antaranya penyewaan kemudahan kerajaan kepada orang awam yang dilaksanakan bermula pada 1 September 2016, perlu diperluaskan lagi iaitu bukan terhad kepada dewan dan kemudahan sukan sahaja, malah rumah-rumah kerajaan yang terbiar, jika tidak bercanggah, supaya disewakan dan jika boleh dijual kepada yang sangat memerlukan rumah daripada seseorang menunggu lama berpuluh tahun untuk mendapatkan Skim Rumah Perpindahan Negara atau diguna pakai untuk penginapan orang-orang kurang berkemampuan.

Selain itu, mana-mana agensi kerajaan yang ada kutipan bulanan atau tahunan supaya tidak memberikan sepenuhnya kepada sektor swasta kecuali ada

pulangan tertentu diterima dari sektor swasta yang berkenaan. Bagi membantu memudahkan kutipan dan mencegah tunggakan berlarutan, sangat berbaloi peruntukan \$2 juta bagi pengurusan *One Common Billing System (OCBS)* yang disebut tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam meningkatkan produktiviti negara, kaola menyokong iaitu Meningkatkan Produktiviti Perkhidmatan Awam dan Sektor Swasta. Kedua-dua sektor in saling memerlukan bagi mencapai hasrat negara iaitu dalam Wawasan Brunei 2035, dengan melaksanakan *whole nation approach*. Perkhidmatan awam sebagai pemudah cara dan sektor swasta melaksanakan aktiviti dengan mudah dan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta mampu meneroka peluang-peluang pasaran dalam dan luar negara serta menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Walau bagaimanapun, perkhidmatan awam sebagai pemudah cara memantau, Penyelia Peraturan Penguat Kuasa Undang-Undang perlu juga mengambil perhatian terhadap industri-industri pembinaan terutama pembinaan rumah-rumah persendirian yang menjadi keluhan orang ramai sehingga ada yang tidak jadi membina rumah kerana kos yang tinggi di peringkat awal iaitu belum lagi membina rumah, baru bermula dengan proses membuat pelan dan peraturan dari *Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi)*, sudah mencapai \$5 ribu malah lebih lagi.

Jika ini berterusan, kemungkinan syarikat-syarikat pembinaan akan menerima kesannya kerana tiada lagi individu atau rakyat yang mampu membina rumah persendirian terutama orang yang berpendapatan rendah dan kemungkinan akan ada generasi seterusnya tidak lagi mempunyai rumah di tanah milik sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita bersyukur, peruntukan untuk keperluan kemudahan-kemudahan bagi meningkatkan kesejahteraan awam masih ada sebagai suatu keutamaan sangat dialu-alukan. Contohnya kerja-kerja pembinaan kemudahan awam di Jabatan Kerja Raya disediakan \$11.5 juta termasuk berkaitan dengan pengurusan banjir iaitu Pencegahan dan Membaik Pulih Akibat Banjir. Bagi pencegahan adalah dicadangkan pembersihan longkang dan sungai yang tersumbat oleh rumput panjang dan semak samun serta mendalamkan dasar sungai dan longkang yang cetek.

Pemeliharaan ini boleh dilakukan oleh penduduk-penduduk kampung berkenaan bagi membantu mereka yang tidak bekerja seperti yang pernah dilaksanakan pada tahun 50-an hingga 70-an iaitu dengan cara memberikan peruntukan berbentuk *grant* kepada ketua-ketua kampung atau Peruntukan Khas kepada Institusi Mukim dan Kampung di Jabatan Daerah bagi mengendalikan perkara yang berkaitan dengan pemotongan rumput, membersihkan longkang, pemeliharaan

jalan kecil di kampung-kampung dan pembersihan Kawasan Skim Perumahan.

Akibat banjir pula, membaiki jalan raya yang rosak berlubang-lubang dan tebing jalan yang susur, penduduk-penduduk yang terlibat mengharapkan pembaikannya memadai menutup jalan-jalan raya yang berlubang sahaja. Yang penting jalan berkenaan dapat dilalui dan tidak menyebabkan kerosakan kenderaan iaitu selaras dengan usaha pegawai perbelanjaan dan sikap mengawal perbelanjaan dan sikap berjimat cermat oleh agensi-agensi kerajaan.

Walau bagaimanapun, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memedulikan rakyatnya tidak mengeneppikan matlamat kerajaan dengan menyediakan peruntukan untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara serta penduduk agar dapat menikmati berterusan. Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Silakan, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang

Berhormat Menteri Kewangan II, atas keterangan Perbelanjaan tadi.

Saya ada beberapa soalan:-

1. Mengenai hasil. Kalau dilihat Hasil Tahun 2016/2017, hasil negara ialah \$3.616 bilion dan Hasil Tahun 2017/2018 ada sedikit meningkat dalam \$840 juta, sekarang ini \$3.7 bilion.

Kalau melihat dari Matlamat 3 - Wawasan Brunei 2035 adalah mengenai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Adakah ada *preparation* mengenai *economic blueprint*? Kalau dilihat kluster-kluster yang dapat dilihat, kitani *touch on* mengenai perikanan, *aquaculture or agriculture* untuk menaikkan *Gross Domestic Product (GDP)*, di manakah kluster-kluster lain ataupun di manakah *concentration cluster* supaya kitani dapat melihat peningkatan *GDP* dari segi *short term* dan juga *long term*. Adakah kitani mempunyai *economic blueprint* ataupun *cluster development plan* yang menunjukkan dalam beberapa tahun, di manakah kitani akan menuju dari segi menaikkan *GDP* ataupun *achievement* dari segi *Key Performance Indicator (KPI)*; dan

2. Mengenai Pemeliharaan Aset. Yang Berhormat Menteri Kewangan II tadi ada menyatakan, ada peruntukan dalam \$39.5 juta bagi Pemeliharaan Bangunan Aset. Kalau dilihat dari segi bangunan-bangunan kerajaan,



terdapat banyak bangunan kerajaan juga yang ada terbiar (*abandoned*) di sana sini. Kalau dilihat, projek-projek mungkin dapat dimasukkan *TTP* dalamnya yang mana tidak perlu mengeluarkan kos-kos perbelanjaan dari pihak kerajaan.

Di manakah insentif-insentif dapat dilihat mengenai mengadakan *TTP*, mungkin dari segi kemajuan perumahan satu *area maintenance* ataupun pemeliharaan bangunan boleh juga dibukakan kepada bangunan-bangunan sekiranya yang ada terbiar masa ini dibukakan supaya pihak-pihak yang lain atau pihak swasta dapat menjalankan dari segi *operational*, satu daripadanya mencari *operational* dari *private sector*. Itulah sahaja 2 soalan yang ingin saya ajukan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk membahaskan mengenai dengan Rang Undang-Undang ini terutama mengenai dengan kesesuaiannya ataupun *merit* undang-undang yang dikemukakan.

Saya kira mengenai dengan perkara-perkara spesifik, perkara-perkara ini bolehlah ditimbulkan apabila nanti kita membincangkan bajet ataupun belanjawan jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun kementerian-kementerian yang berkenaan yang Ahli-Ahli Yang Berhormat akan bersemuka dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan

dengan mengemukakan perkara-perkara berkaitan dapatlah ditanyakan terus kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengambil kesempatan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam serta mengucapkan terima kasih dan tahniah atas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018/2019 yang jelas dan terperinci sebentar tadi.

Kaola mengambil maklum apa yang disampaikan adalah antara usaha-usaha kerajaan dalam membendung fiskal negara dan mendukung kestabilan ekonomi di samping menekankan usaha-usaha mengukuhkan pembangunan ekonomi dalam berbagai-bagai bidang dengan tidak menjejaskan keselamatan rakyat dan kesejahteraan negara.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menjamin kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini, kita tidak terlepas daripada belunggu kesempitan hidup. Apa yang kaola maksudkan di sini dengan kadar harga barangan yang kian meningkat dan tidak menurun, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan sumber pendapatan rakyat. Kaola sering mendengar keluhan

bahawa pendapatan tidak mencukupi dan tidak stabil dengan masalah kenaikan harga barang, ditambah lagi keperluan-keperluan lain yang mendesak dalam menyara kehidupan sehari-hari bagi diri sendiri dan ahli-ahli keluarga di bawah tanggungan.

Kekhuatiran ini boleh saja timbul malah semakin membimbangkan dengan senario sekarang ini peluang untuk bekerja di sektor awam amat terhad dan kita mula membukakan peluang yang besar dan luas dengan pencari-pencari pekerjaan dan berkhidmat di sektor swasta yang pada ketika ini kadar gaji di setor swasta belum tentu dapat menjamin kehidupan mereka apatah lagi bekerja di sektor awam banyak kemudahan yang diperolehi berbanding bekerja di sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini sengaja ditimbulkan bukan bererti kita tidak mensyukuri atas rezeki yang dilimpahkan dan bukan tidak berterima kasih atas peluang kerja yang diberikan, akan tetapi hasrat kaola ingin mengajak semua untuk berfikir dan menilai perkara ini sedalam-dalamnya agar kita tidak terlepas pandang dalam memikirkan kestabilan, kehidupan semua lapisan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini. Apa yang diharapkan, apa pun usaha-usaha yang dirancang ini dan dilaksanakan akan dapat menjamin kehidupan kita semua. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam dan terima kasih juga diucapkan atas pembentangan yang begitu lebar, jelas dan nyata yang **الْحَمْدُ لِلَّهِ** mencerminkan bahawa negara kita ini masih lagi berkeupayaan, mementingkan kebajikan masyarakat tanpa mengurangkan subsidi-subsidi yang diberikan kepada rakyat negara ini.

Seperti yang dititahkan kita tetap perlu untuk terus mengawal menimbang fiskal negara dalam jangka masa pendek dan panjang. Kita juga perlu ke arah pembangunan, kita mesti menggembleng tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran keluaran negara kasar (KDNK) dan alhamdulillah seperti yang disampaikan untuk keperluan pengusaha negara.

Dengan tertubuhnya Bank Usahawan juga insya-Allah akan dapat membantu dan mengeluarkan usahawan-usahawan negara kerana para belia pada masa ini mengharap dan menunggu-nunggu supaya ia akan dapat diperjelaskan dan mudah-mudahan dengan adanya bank berkenaan negara akan dapat mengeluarkan pengusaha-pengusaha menjadi jutawan menjelang Wawasan Brunei 2035 insya-Allah, sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Silakan Yang Berhormat Pengiran Haji

Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman**

@ **Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tingi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang telah dilantik dan yang telah membentangkan Belanjawan Negara 2018/2019 yang sangat komprehensif dan menampakkan satu *future* yang jelas kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Apa yang ingin kaola sampaikan ialah semoga pelaksanaan perbelanjaan dapat dibelanjakan dengan penuh telus berhikmah seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Dalam kesempatan ini, kaola sangat-sangat menjunjung kasih atas kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menghulurkan bantuan kebajikan rakyat baginda seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, demikian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang suka untuk membuat kenyataan terhadap Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini pada ketika ini, maka saya berpendapat bahawa ada baiknya Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 ini dibaca bagi kali keduanya. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang bersetuju sedemikian sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Nampaknya semua Ahli bersetuju.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud tertentu."**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita meneruskan perkara ini iaitu menurut prosedurnya yang tertentu, kita bersidang sebagai satu Jawatankuasa untuk meneliti Rang Undang-Undang ini satu persatu, maka saya cadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini kita tangguhkan dahulu dan kita berehat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan kembali lagi untuk bermesyuarat pada pukul 2.00 petang ini. Sekian. **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**